

PERIBAHASA (ITEM BERAYAT)**Latihan 2**

ARAHAN: Pilih peribahasa atau makna yang paling sesuai bagi frasa yang bergaris bawah di dalam setiap item di bawah ini. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung () yang disediakan.

- 1 Zainab seorang pelajar yang rajin dan sangat tajam hati.
 (1) cekal (2) pintar ()
 (3) sopan (4) tabah ()

- 2 Rashid yang kerdil dan diam-diam ubi itu selalu lulus dengan cemerlang.
 (1) pendiam dan seorang pemalu
 (2) pendiam dan bersopan santun
 (3) pendiam tetapi banyak pengetahuan
 (4) pendiam tetapi sangat aktif di luar darjah ()

- 3 Mereka berani mati menentang askar-askar Jepun yang sedang menyerang.
 (1) sangat suka
 (2) sangat tekad
 (3) berasa sangat seronok
 (4) tidak hiraukan orang lain ()

- 4 Awang yang baru datang dari Kelantan seperti katak di bawah tempurung semasa berada di Orchard Road.
 (1) pemalu
 (2) tidak tahu apa-apa
 (3) tidak suka berjalan-jalan
 (4) terhad pengetahuannya ()

- 5 Ramlah dan kawan rapatnya, Bibah, bagai aur dengan tebing sejak mereka di sekolah rendah.
 (1) sangat rapat
 (2) tidak boleh berpisah
 (3) suka bantu orang lain
 (4) hidup saling bekerjasama ()

- 6 Pengawal keselamatan di kilang itu telah dipecat kerana menerima rasuah.
- (1) banting tulang (2) makan suap
(3) mengorak langkah (4) tulang belakang ()
- 7 Hamdi berjaya lanjutkan pelajarannya ke universiti kerana sikapnya yang sangat cekal walaupun menghadapi beberapa masalah.
- (1) perah tenaga (2) tahan hati
(3) tangan terbuka (4) tulang belakang ()
- 8 Dengan ikhlas, Haji Salim telah menderma sebanyak \$5000 kepada Masjid Sultan.
- (1) lapang dada (2) panjang akal
(3) putih hati (4) tahan hati ()
- 9 Encik Mahmud terpaksa bekerja keras bermati-matian untuk membiayai perbelanjaan empat orang anaknya yang masih bersekolah.
- (1) banting tulang (2) berani mati
(3) memerah otak (4) tulang belakang ()
- 10 Berfoya-foya di pusat-pusat membeli-belah hanya sebagai membuat pekerjaan yang sia-sia.
- (1) air dicencang tiada putus
(2) seperti pahat dengan penukul
(3) bagai menghitung bulu kambing
(4) sehari selembar benang, lama-lama jadi kain ()